



KENYATAAN RASMI

MAKLUMAN PENANGGUHAN KEMASUKAN PELAJAR UMS KE KAMPUS SECARA FIZIKAL SERTA PENGENDALIAN PENDAFTARAN PELAJAR DAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) SECARA DALAM TALIAN

1. Adalah dimaklumkan bahawa Pengurusan UMS sentiasa memantau rapat perkembangan pandemik COVID-19 khususnya di Negeri Sabah dan memandang serius terhadap laporan peningkatan kes COVID-19 yang berlaku sejak akhir-akhir ini.
2. Sehubungan dengan itu, berdasarkan bidang kuasa yang ada pada Universiti dan setelah membuat penilaian ke atas situasi semasa serta mengambilkira pandangan daripada pihak-pihak berkaitan termasuk wakil pelajar, Pengurusan UMS memutuskan agar kemasukan pelajar UMS ke Kampus induk UMS Kota Kinabalu dan kampus-kampus cawangan UMS di WP Labuan dan Sandakan secara fizikal adalah **DITANGGUHKAN** sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Keputusan ini dibuat demi menjaga kebajikan pelajar serta kakitangan Universiti.
3. Arahan penangguhan kemasukan pelajar secara fizikal ini meliputi semua peringkat pengajian dan kategori pelajar UMS.
4. Walau bagaimanapun, aktiviti pendaftaran pelajar (baharu dan senior), pelaksanaan Minggu Suai Mesra (MSM), dan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) akan diteruskan mengikut jadual secara **dalam talian (online)**. Para pelajar dinasihatkan agar menghubungi fakulti masing-masing, atau Bahagian Perkhidmatan Akademik (BPA) di talian no. 088-320 054, atau Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) di talian no. 088-320 060, jika memerlukan maklumat lanjut.
5. Pengurusan UMS akan terus memantau perkembangan pandemik COVID-19 serta arahan terkini daripada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan, dan akan membuat pengumuman lanjut dari masa ke semasa.

Sekian, dan terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

PUSAT PENGURUSAN STRATEGIK DAN KOMUNIKASI KORPORAT (PPSKK)

Universiti Malaysia Sabah

26 September 2020/9 Safar 1442H